

**Saham Paramount Corp Tinggi Berikutan Berita Pengambilalihan Tanah
Bernama
26 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Saham Paramount Corporation diniagakan tinggi pagi ini susulan berita bahawa syarikat pegangan pelaburan itu merancang membeli 31 ekar tanah di Batu Kawan membabitkan RM67 juta.

Saham syarikat itu meningkat tiga sen kepada RM1.61, dengan 202,000 lot bertukar tangan setakat 9.58 pagi.

"Pengambilalihan tanah itu adalah selari dengan strategi kami untuk menambah bank tanah di lokasi yang berpotensi tumbuh dengan pesat," kata Paramount dalam makluman kepada Bursa Malaysia semalam.

Syarikat itu berkata pengambilalihan itu akan menjana manfaat ekonomi dan menyumbang positif kepada pendapatan masa depan syarikat berikutan Batu Kawan diunjur menjadi tarikan hartanah di Pulau Pinang pada masa akan datang berdasarkan lokasinya yang strategik.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024909>